



## Tinjauan Global Terkini daripada ISAPS Melaporkan Peningkatan Berterusan dalam Pembedahan Estetik di Seluruh Dunia

*Jumlah prosedur pembedahan dan bukan pembedahan meningkat sebanyak 7.4% pada tahun 2019*

HANOVER, New Hampshire, 9 Disember 2020 /PRNewswire/ -- Persatuan Pembedahan Plastik Estetik Antarabangsa (International Society of Aesthetic Plastic Surgery, ISAPS) hari ini mengumumkan hasil tinjauan global tahunannya bagi Prosedur Estetik/Kosmetik yang menunjukkan peningkatan sebanyak 7.4% dalam prosedur kosmetik yang dijalankan pada tahun 2019.

### Sorotan

Kenaikan sebanyak 7.4% adalah lebih tinggi berbanding tahun 2018 (5.6%). Prosedur pembedahan dan bukan pembedahan meningkat pada tahun 2019 (masing-masing sebanyak 7.1% dan 7.6%) berbanding peningkatan hanya dalam prosedur bukan pembedahan pada tahun 2018.

Walaupun terdapat penurunan sebanyak 3.6% dalam jumlah prosedur pada tahun lalu, pembesaran payudara tetap merupakan prosedur pembedahan kosmetik yang paling kerap dilakukan, berjumlah sebanyak 15.8% daripada semua prosedur. Lima prosedur pembedahan yang kekal paling popular ialah pembesaran payudara, sedut lemak, pembedahan kelopak mata, abdominoplasti dan rinoplasti. Lima prosedur bukan pembedahan yang popular juga kekal sama: toksin botulinum, asid hialuronik, pembuangan bulu, pengurangan lemak bukan pembedahan dan rejuvenasi foto.

Penurunan dalam prosedur pembesaran payudara amat ketara, terutamanya apabila mengambil kira kenaikan sebanyak 20.6% dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini. Keadaan ini berkemungkinan mempunyai kaitan dengan isu berhubung BIA-ALCL. Pembedahan untuk membuang implan meningkat sebanyak 10.7% pada tahun 2019.

Prosedur muka dan kepala meningkat sebanyak 13.5% berbanding penurunan sebanyak 14.7% pada tahun sebelumnya. Pembedahan kelopak mata menjadi semakin popular dalam kalangan lelaki.

Pembedahan punggung menunjukkan pertumbuhan tertinggi antara kesemua prosedur pembedahan. Pembesaran punggung meningkat sebanyak 38.4% pada tahun 2019 dan 65.9% sejak tahun 2015 manakala penaikan punggung meningkat sebanyak 25.5% pada tahun 2019 dan 77.6% sejak tahun 2015. Selain itu, labiaplasti meningkat sebanyak 24.1% pada tahun 2019 dan sebanyak 73.3% sejak tahun 2015.

Penggunaan suntikan bukan pembedahan meningkat sebanyak 8.6%. Walaupun toksin botulinum tetap yang paling banyak digunakan, tetapi peningkatan peratusan tertinggi dapat dilihat untuk kalsium hidroksiapatit, iaitu sebanyak 64.9% pada tahun 2019. Penggunaan asid hialuronik juga terus meningkat, iaitu sebanyak 15.7% sejak tahun 2018.

Prosedur asid poli-l-laktik dan mikroablatif juga meningkat dengan ketara: masing-masing sebanyak 24.1% dan 34.2%.

Prosedur pembedahan yang paling kerap dilakukan ke atas wanita ialah pembesaran payudara, sedut lemak dan pembedahan kelopak mata. Tiga pembedahan yang popular dalam kalangan lelaki ialah ginekomastia, pembedahan kelopak mata dan sedut lemak.

Prosedur bukan pembedahan yang paling popular bagi lelaki dan wanita ialah toksin botulinum, asid hialuronik dan pembuangan bulu.

Kebanyakan prosedur pembedahan yang dilakukan adalah bagi wanita yang berusia 35-50 tahun. Kebanyakan pembesaran payudara (53.9%) dan rinoplasti (64.5%) dilakukan ke atas mereka yang berusia 19-34 tahun, manakala suntikan botulinum toksin adalah yang paling popular dalam kalangan mereka yang berumur 35-50 tahun (46.1% daripada jumlah keseluruhan). Rinoplasti terus menjadi prosedur kosmetik yang paling kerap dilakukan ke atas pesakit yang berumur 18 tahun ke bawah.



## Statistik mengikut Negara

Amerika Syarikat menyaksikan penurunan sebanyak 8.7% dalam prosedur pembedahan, tetapi sekali lagi merupakan negara yang melakukan paling banyak prosedur di seluruh dunia (15.9% daripada jumlah keseluruhan) termasuk 19.3% daripada kesemua prosedur bukan pembedahan dan 77.8% suntikan. Brazil melakukan prosedur pembedahan yang paling banyak (13.1% daripada jumlah keseluruhan) dan prosedur bukan pembedahan telah meningkat sebanyak 28%.

Sepuluh negara teratas pada tahun 2019 ialah Amerika Syarikat, Brazil, Jepun, Mexico, Itali, Jerman, Turki, Perancis, India dan Rusia.

Amerika Syarikat dan Brazil dianggarkan mempunyai pakar bedah plastik terbanyak, dengan lebih daripada 25% dari jumlah keseluruhan di seluruh dunia. Kedudukan ini diikuti oleh negara-negara Asia, dengan China di tempat ketiga, Jepun di tempat keempat dan Korea Selatan di tempat kelima.

Prosedur pembedahan terus dilakukan terutamanya di hospital (47.9% di seluruh dunia), kecuali di Amerika Syarikat yang melaporkan sebanyak 62.7% prosedur telah dilakukan di bangunan pejabat. Negara-negara yang menyaksikan jumlah pesakit asing paling tinggi kekal sama seperti tahun lalu: Thailand (33.2%), Mexico (22.5%) dan Turki (19.2%).

## Metodologi Tinjauan

Soal selidik telah dihantar kepada kira-kira 25,000 orang pakar pembedahan plastik dalam pangkalan data ISAPS. Soal selidik tersebut memfokuskan kepada jumlah prosedur pembedahan dan bukan pembedahan yang dilakukan pada tahun 2019 dan beberapa soalan sampingan yang berkaitan dengan pelancongan perubatan. Keputusannya disusun, dijadual dan dianalisis oleh Industry Insights, sebuah firma penyelidikan bebas yang berpusat di Columbus, Ohio. ISAPS ialah satu-satunya organisasi yang mengumpul data kosmetik ini setiap tahun pada skala global. Untuk salinan keputusan penuh, sila layari <https://www.isaps.org/medical-professionals/isaps-global-statistics/>.

**Tentang ISAPS** – Persatuan Pembedahan Plastik Estetik Antarabangsa (International Society of Aesthetic Plastic Surgery, ISAPS) ialah badan profesional terkemuka di dunia untuk pakar bedah plastik estetik yang diperakui oleh lembaga. Ditubuhkan pada tahun 1970, ISAPS menyediakan forum terbuka untuk pertukaran pengetahuan pembedahan plastik estetik di seluruh dunia. ISAPS menawarkan latihan terkini dan pendidikan berterusan kepada ahli-ahlinya serta menaja dan menyokong mesyuarat saintifik di seluruh dunia. Kini, keahlian ISAPS merangkumi pakar bedah estetik dan rekonstruktif yang paling dihormati di dunia di 110 buah negara.